

KPDNHEP Kelantan kesan 21 kes pelbagai kesalahan dalam operasi Skim Harga Maksimum Musim Perayaan

Februari 2, 2020 Ditulis oleh Media Baharu



TUMPAT, 2 Feb - 1,532 premis runcit dan 38 premis pemborong diperiksa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Kelantan, sepanjang pelaksanaan operasi skim harga maksimum musim perayaan Tahun Baharu Cina.

Pengarahnya, Adnan Abdul Rahman berkata, 21 kes melibatkan pelbagai kesalahan difailkan dengan nilai kompaun hampir RM2,000.

Operasi sejak 20 Januari itu berakhir hari ini.

Kesemua kesalahan yang dikesan itu, melibatkan kegagalan menggunakan tanda harga khas (merah jambu) serta masing-masing satu kes kerana tiada tanda harga dan menjual melebihi harga ditetapkan.

Sejak 1 Januari hingga semalam, 156 kes pelbagai kesalahan dengan nilai sitaan lebih RM 154,000 dikesan di seluruh Kelantan.